

# Telefilem sebagai Medium Dakwah Kontemporeri: **BITARA** Analisis Naratif dan Reaksi Netizen Terhadap Ajaran Sesat dalam Telefilem *Ayat dari Langit*

Volume 8, Issue 3, 2025: 117-129  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 6 Jun 2025  
Accepted: 26 July 2025  
Published: 27 August 2025

## [The Telefilm as a Contemporary Medium of Da'wah: A Narrative Analysis and Netizens' Reactions to Deviant Teaching in the Telefilm *Ayat dari Langit*]

Muhammad Shafiq Iqbal Abd. Rahman<sup>1</sup> & Muhammad Arif Yahya<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: A189304@siswa.ukm.edu.my; arifyahya@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: arifyahya@ukm.edu.my

### Abstrak

Telefilem berperanan sebagai medium dakwah kontemporeri yang mampu mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap isu-isu keagamaan. Kajian ini meneliti bagaimana naratif dalam telefilem *Ayat dari Langit* digunakan bagi menyampaikan mesej dakwah serta kesedaran tentang bahaya ajaran sesat kepada khalayak umum. Selain itu, kajian ini menganalisis respons dan interpretasi netizen terhadap telefilem tersebut melalui reaksi di media sosial khususnya di platform Facebook. Pendekatan kualitatif digunakan dengan menggabungkan analisis kandungan naratif, bahan sekunder seperti artikel, buku dan jurnal serta pemerhatian terhadap komen-komen netizen yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa telefilem ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan tetapi turut memberi impak dakwah yang signifikan dengan membentuk wacana awam tentang isu akidah. Walau bagaimanapun, terdapat juga kritikan terhadap pendekatan penggambaran yang dianggap kurang sensitif dalam membincangkan isu kontroversi. Kajian ini menyimpulkan bahawa penghasilan karya media perlu lebih strategik dan beretika agar fungsi dakwah melalui media visual dapat dimanfaatkan secara berkesan dalam menangani fenomena ajaran sesat.

**Kata kunci:** Media, Dakwah, Telefilem, Ajaran Sesat, Reaksi Netizen.

### Abstract

Telefilms serve as a contemporary medium of da'wah capable of influencing public perceptions on religious issues. This study explores how the narrative in the telefilm Ayat dari Langit is employed to convey messages of da'wah and raise awareness about the dangers of deviant teachings among the general audience. Additionally, the study analyses netizens' responses and interpretations of the telefilm through reactions observed on social media, particularly on the Facebook platform. A qualitative approach is adopted by combining narrative content analysis, secondary sources such as articles, books, and journals, along with observations of relevant netizen comments. The findings reveal that this telefilm not only functions as a form of entertainment but also has a significant da'wah impact by shaping public discourse on matters of faith. Nevertheless, there are criticisms regarding the portrayal approach, which is perceived by some as lacking sensitivity in addressing controversial issues. The study concludes that the production of media content should be more strategic and ethical to ensure that the da'wah function of visual media is effectively utilised in addressing the phenomenon of deviant teachings.

**Keywords:** Islamic Media, Da'wah, Telefilm Narrative, Religious Deviance, Social Media Responses



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Muhammad Shafiq Iqbal Abd. Rahman & Muhammad Arif Yahya. (2025). Telefilem sebagai Medium Dakwah Kontemporari: Analisis Naratif dan Reaksi Netizen Terhadap Ajaran Sesat dalam Telefilem Ayat dari Langit [The Telefilm as a Contemporary Medium of Da'wah: A Narrative Analysis and Netizens' Reactions to Deviant Teaching in the Telefilm Ayat dari Langit]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 117-129.

## Pengenalan

Dalam era media digital dan hiburan massa, telefilem bukan lagi sekadar produk seni visual, tetapi turut berperanan sebagai medium komunikasi yang efektif dalam menyampaikan nilai dan mesej keagamaan. Perkembangan teknologi komunikasi telah membuka ruang luas kepada para pengkarya untuk mengetengahkan isu-isu penting masyarakat, termasuk fenomena ajaran sesat yang semakin mencabar institusi agama dan kestabilan sosial.

Fenomena ajaran sesat di Malaysia bukan sesuatu yang baharu. Laporan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pelbagai institusi agama negeri menunjukkan bahawa terdapat puluhan kumpulan ajaran menyimpang yang aktif dari semasa ke semasa, dengan sebahagiannya menggunakan saluran digital, retorik agama dan pendekatan psikologikal untuk menarik pengikut. Ajaran sesat bukan sahaja menggugat akidah umat Islam, tetapi juga menjelaskan keharmonian masyarakat apabila unsur manipulasi, taksub terhadap pemimpin, serta penyalahgunaan teks agama berlaku secara berleluasa.

Dalam konteks ini, media massa seperti telefilem berpotensi menjadi wahana dakwah yang mampu menggabungkan elemen hiburan dan pendidikan. Pendekatan dakwah melalui seni atau lebih dikenali sebagai *dakwah bil-fann* membolehkan mesej keagamaan disampaikan dengan lebih halus, kreatif dan berkesan, terutamanya kepada golongan muda. Telefilem *Ayat dari Langit* merupakan contoh karya yang mengambil pendekatan ini dengan mengetengahkan kisah tentang penyelewengan agama dan kesannya terhadap masyarakat.

Salah satu bentuk respons kreatif terhadap isu ini ialah melalui penghasilan telefilem berunsur dakwah seperti *Ayat dari Langit*, yang secara langsung mengangkat tema penyimpangan akidah dan manipulasi agama oleh individu berkepentingan. Telefilem ini bukan sahaja menimbulkan perdebatan dalam kalangan masyarakat, malah mencetuskan reaksi yang pelbagai di media sosial, terutamanya dalam kalangan netizen.

Reaksi spontan dan bersifat awam ini mencerminkan pertembungan antara kefahaman agama, kesedaran sosial, dan persepsi terhadap media sebagai alat dakwah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana naratif dalam telefilem *Ayat dari Langit* digunakan untuk menyampaikan mesej dakwah berkaitan bahaya ajaran sesat, serta bagaimana netizen memberi respons terhadap kandungan tersebut dalam ruang digital. Analisis ini penting untuk menilai keberkesanannya sebagai saluran dakwah kontemporari dan peranannya dalam membentuk wacana keagamaan dalam masyarakat.

## Tinjauan Literatur

Menyentuh kajian ajaran sesat, kajian berkaitan topik ini bukan kajian yang baru. Terdapat banyak kajian yang membincangkan mengenai ajaran sesat yang antara lainnya menggunakan istilah penyelewengan agama, ajaran salah, aliran yang menyimpang. Namun, yang membezakannya adalah skop kajian yang dilakukan. Terdapat beberapa artikel, jurnal, kertas kerja dan buku yang ditulis secara langsung atau tidak langsung membincangkan tentang aliran atau ajaran menyimpang dalam pemikiran Islam.

### Isu Ajaran Sesat

Menurut Panel Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ajaran sesat bermaksud ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran itu berdasarkan kepada ajaran Islam atau mendakwa tidak bertentangan dengan dasar-dasar ajaran Islam. Namun, hakikatnya ajaran atau amalan tersebut bertentangan dengan akidah dan syariat Islam yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (JAKIM 2010). Pelbagai cara, ajaran atau amalan yang dilakukan seolah-olah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah untuk memperdaya dan mengaburi mata orang ramai. Kebanyakan ajaran sesat bergerak secara senyap tanpa disedari pada peringkat awal menyebabkan ia sukar dikesan dan dibanteras oleh pihak berkuasa agama. Ruang lingkup ajaran sesat amat luas sama ada sesat dari sudut kepercayaan atau akidah, dari sudut pengamalan atau syariat dan sesat dari sudut akhlak atau pengabdian antara hamba dan Tuhan (MAIS 2015).

Seterusnya, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007) pula mendefinisikan ajaran sesat sebagai sebarang ajaran atau amalan yang didukung oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan itu berasaskan pada ajaran Islam. Walaupun demikian, hakikatnya ajaran dan amalan tersebut bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam, dan berlawanan dengan mazhab yang muktabar iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menurut Wan Haslan Khairuddin (2022), isu-isu ajaran sesat paling utama ialah penyelewengan dalam ajaran Islam berkaitan persoalan ketuhanan, kenabian dan perkara ghaib. Komponen pertama *al-Ilahiyyāt* atau ketuhanan yang membincangkan kewujudan *Khaliq*, keesaan-Nya, penjelasan zat, sifat serta perbuatanNya, tauhid-syirik dan *Khaliq*-makhluk. Kedua, *al-Nubuwwāt* atau kenabian yang membincangkan Muhammad SAW sebagai rasul dan sifat-sifat wajib, mustahil serta harus bagi-Nya. Komponen ketiga *al-Sam'iyyāt* atau perkara ghaib.

Majlis Agama Islam Selangor dalam sebuah artikel bertajuk *Ancaman Akidah: Fatwa Ajaran Sesat di Negeri Selangor* (2022), menyatakan bahawa timbul pelbagai ancaman akidah yang menyerang umat Islam sama ada datang daripada pihak luar ataupun daripada umat Islam sendiri yang berusaha menyeleweng akidah dan kepercayaan masyarakat. Antaranya, muncul pelbagai ajaran sesat yang melakukan penyelewengan terhadap tafsiran ayat al-Quran menjadi ancaman besar kepada akidah muslim. Malah, negeri Selangor juga mencatatkan statistik ajaran sesat tertinggi di Malaysia menimbulkan kegusaran kepada pihak agama Islam dalam usaha membanteras ajaran sesat. Sehingga kini sahaja, sebanyak 45 ajaran sesat telah difatwakan di negeri Selangor.

## Filem dan Telefilem

Pada hujung tahun 2020, terdapat sebuah drama yang mengangkat isu ajaran sesat serta membongkar kisah benar kesesatan beragama yang berada di dalam negara Malaysia. Drama ini turut menjadi buah mulut masyarakat kerana mengangkat isu-isu yang dianggap sebagai sesuatu sensitif dalam agama Islam dan memburukkan Islam. Di dalam drama tersebut, kumpulan ajaran sesat yang diketengahkan ialah ‘Hawa Islam’ dan ‘Gerakan Elit’. Ini kerana, drama ini adalah diinspirasikan daripada gerakan golongan ekstremis dan feminis yang memperjuangkan ideologi sesat dan bercanggah dengan garis panduan Islam yang sebenar untuk kepentingan sendiri (Kamaruddin Razal, 2020).

Menurut akhbar Berita Harian pada September 2023, kerajaan telah mewartakan perintah larangan terhadap penayangan sebuah filem kontroversi yang bertajuk *Mentega Terbang* di seluruh negara, mencakupi larangan pempameran, pengedaran, pemilikan, penyebaran atau penjualan filem. Filem arahan Khairil Anwar Jailani, terbitan Anomalist Production dan Meng Kheng Entertainment itu mengundang kemarahan ramai masyarakat Islam apabila memaparkan babak-babak yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Berikutan penayangan filem tersebut di sebuah platform atas talian yang terkenal iaitu Viu, tular di media sosial beberapa babak yang membuatkan filem ini meraih perhatian ramai seperti babak di mana watak utama yang beragama Islam meminta rakannya daging khinzir untuk dimakan dan babak seorang bapa beragama Islam yang membenarkan anaknya untuk keluar dan memilih agamanya sendiri (Intan Nur Syahierah, 2024).

Seterusnya, menurut Md. Rozalafri dan Megat Al-Imran (2014), dakwah merupakan tanggungjawab setiap umat Islam dalam mengajak masyarakat melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Televisyen pada hari ini bukan sahaja dijadikan medium untuk menyebarkan maklumat, malah televisyen adalah antara medium yang berperanan sebagai agen mendidik dan ia merupakan komponen penting yang boleh memberi kesan mendalam kepada jiwa manusia yang dahagakan keperluan rohaniah tersebut. Secara tidak langsung televisyen mampu menjadi medium dakwah yang berkesan dalam membentuk akhlak dan pemikiran masyarakat.

Selain itu, menurut Siti Nur Zainab (2014), media pada masa kini bukan sahaja menjadi medium hiburan semata-mata, bukan juga menjadi penyampai maklumat tentang isu-isu semasa malah menjadi wadah pencetus pembentukan minda masyarakat ke arah lebih kreatif dan kritis. Sesuai dengan kuasa dan pengaruh yang besar pada media massa, media massa perlu menjadi agen kepada negara untuk membantu mendidik dan menyedarkan masyarakat. Lagipun, media massa kini lebih agresif dalam membangunkan atau membangkitkan kedudukan masyarakat dalam pembangunan negara. Malah, ia bukan sekadar hanya membaca dan melihat apa ‘sajian’ yang dipaparkan oleh media malah masyarakat disuntikkan dengan kata-kata semangat dan sindiran untuk menyedarkan masyarakat agar perlu peka dengan isu pembangunan insan dan negara.

Mohd Sobhi Ishak (2016), menyatakan bahawa media (termasuk media massa dan media elektronik) sememangnya berpengaruh kepada penonton tegar dan kurang mendapat sumber maklumat lain sebagai perbandingan. Dalam erti kata lain, pemikiran golongan berpendidikan rendah boleh dikuasai dengan mudah oleh media berbanding golongan berpendidikan tinggi. Ini termasuk media massa dan media elektronik.

## Metodologi Kajian

Metode dan reka bentuk penyelidikan adalah persediaan awal untuk menjalankan penyelidikan setelah semua yang telah ditentukan dalam cadangan penyelidikan diterima dan diakui boleh diukur dan dilaksanakan (Munawar & Shahizan 2018). Dalam mana-mana penyelidikan, metodologi kajian adalah elemen yang harus ada kerana ianya amat penting bagi membantu pengkaji memperoleh keputusan yang sahih dan kebolehpercayaan keputusan itu tinggi.

Pengkaji memilih pendekatan kualitatif bagi mencapai matlamat artikel sebagai reka bentuk kajian. Kualitatif adalah suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (konteks). Ia berkait dengan soal mutu, iaitu satu metode yang bersandarkan kepada kualiti sesuatu konteks yang menjadi fokus utama penyelidikan. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah pengumpulan data analisis kandungan daripada telefilem *Ayat Dari Langit*. Analisis kandungan adalah reka bentuk yang paling popular dalam penyelidikan pengajian Islam. Penyelidikan jenis ini bersifat kualitatif tetapi pada beberapa perkara reka bentuk ini juga boleh dikategorikan sebagai kuantitatif. Semuanya bergantung pada pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian yang telah dibentuk dalam cadangan penyelidikan. Analisis kandungan ini sebenarnya merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat. Ia bolch didapati melalui penelitian terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan, manuskrip dan komunikasi terpilih yang boleh diperoleh melalui media cetak, gambar dan visual penyiaran.

## Hasil dan Perbincangan

Menerusi kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, pengkaji mendapati kurangnya analisis atau perbincangan mengenai ajaran sesat melalui naratif telefilem. Untuk itu, pengkaji akan memfokuskan kepada beberapa perbincangan yang penting mengikut subtopik yang telah dikenalpasti. Perbincangan ini akan dimulakan dengan mengemukakan definisi dan ciri-ciri ajaran sesat terlebih dahulu.

### Definisi dan Ciri-ciri Ajaran Sesat

Istilah ajaran sesat merupakan salah satu istilah yang menjadi kebiasaan dan lebih masyur penggunaannya dalam kalangan masyarakat di Malaysia sejak beberapa dekad ini terutamanya pihak birokrasi agama dan media arus perdana di Malaysia. Selain itu, terdapat beberapa istilah lain yang sering digunakan dalam media perdana yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan ajaran sesat, seperti ajaran salah, pencemaran agama dan penyelewengan akidah (Engku Ahmad Zaki, 2009).

Seterusnya, ajaran sesat dari sudut bahasa. Perkataan bagi maksud ‘ajaran’ ditakrifkan sebagai sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori dan *mazhabin*. Bagi perkataan ‘sesat’ pula ditakrifkan sebagai tidak mengikut jalan yang benar, tersalah ataupun tersilap jalan, terkeliru (perbuatan, kepercayaan) dan menyimpang dari jalan yang hak iaitu benar (Kamus dewan bahasa, 2002).

Manakala dari sudut istilah akidah pula, ajaran sesat merupakan perkara atau perbuatan yang menyimpang dari landasan Islam yang betul yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk seluruh umat manusia. Perkara ini tidak mengambil kira sama ada berlakunya penyelewengan itu banyak ataupun sedikit, disengajakan atau tidak disengajakan. Pendek kata, orang yang sesat dari agama Islam ialah orang yang menyeleweng dan melakukan percanggahan dari agama Islam (Engku Ahmad Zaki, 2007).

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula, mereka mentakrifkan ajaran sesat sebagai ajaran atau amalan orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa sebagai ajaran atau amalan mereka berlandaskan ajaran Islam. Malah, ajaran dan amalan yang dianjurkan adalah bertentangan dengan akidah Islam, iaitu termasuk juga bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah, Qias dan ijmak ulama yang berwibawa, dan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah (Engku Ahmad Zaki, 2007).

Ajaran sesat juga dikenali sebagai ajaran atau amalan yang mengaku sebagai ajaran Islam tetapi sebenarnya ianya bertentangan dengan akidah al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmaa, Qiyas, dan 'Ali Sunnah wal Jama'a (ASWJ). Terdapat beberapa ciri ajaran sesat dari segi akidah, syariah dan akhlak yang perlu umat Islam ketahui antaranya (JAKIM, 2012):

### **Akidah**

1. Mendakwa diri mereka sebagai wakil Tuhan atau Tuhan ataupun mendakwa Allah SWT bersifat selain daripada sifat-sifat yang selayaknya bagi Allah SWT.
2. Memberi hujah bahawa setiap musibah atau bala yang datang adalah dari makhluk halus iaitu jin dan syaitan.
3. Mendakwa perkara ghaib itu tidak mati dan akan muncul sebagai Imam Mahdi.
4. Mendakwa mereka mampu berhubung secara langsung dengan Allah SWT
5. Mendakwa memiliki mukjizat daripada Allah SWT

### **Syariah**

1. Menghalalkan sesuatu perkara yang diharamkan dalam syariat Islam dan mengharamkan sesuatu yang dihalalkan dalam syariat Islam.
2. Menyatakan ibadah seperti solat, zakat atau apa-apa amalan yang disyariatkan oleh sudah memadai dengan niat semata-mata.
3. Tidak menerima sebarang pentafsiran ayat-ayat Al-Quran atau karangan hadis yang telah *dijma'* oleh para ulama muktabar.
4. Menghalalkan perzinaan tanpa melalui pernikahan yang sah di dalam Islam.
5. Mendakwa perkahwinan mutaah (kontrak) adalah halal dan boleh dilakukan.

### **Akhlik (Tasawuf)**

1. Dakwaan bahawa Allah SWT hanya menilai kebersihan dalaman (batin).
2. Mereka berpendapat jika Tasawuf telah lengkap, maka tidak perlu mengikut syariat.
3. Mengaku sebagai Ahlul Bait (tanpa bukti kukuh) dengan alasan untuk mendapatkan kehormatan, status, atau kepentingan dunia yang lain.

4. Setiap kali menderma (biasanya dalam bentuk wang), dijanjikan ganjaran tertentu (janji agama sering digunakan untuk melaksanakan sesuatu), dan jika janji tidak ditepati akan dihujahkan pelbagai alasan sering diberikan.

## Peranan Media dalam Membentuk Persepsi Terhadap Ajaran Sesat

Media massa adalah alat atau instrumen terpenting yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, membina persepsi dan tanggapan, dan membentuk sikap masyarakat tentang maklumat yang disampaikan (Hazlin Falina, 2016). Ini menunjukkan media memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap pelbagai isu, termasuk ajaran sesat. Dalam era digital ini, media tidak hanya terhad kepada surat khabar dan televisyen, tetapi juga merangkumi platform media sosial, blog, dan laman web yang memberikan maklumat dengan cepat dan meluas. Oleh itu, pemahaman tentang bagaimana media mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap ajaran sesat adalah penting untuk memahami dinamika sosial dan budaya yang berlaku.

Pertama sekali, media berfungsi sebagai mendidik dan sumber utama kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat (Siti Nur Zainab, 2014). Melalui laporan berita, dokumentari, dan program televisyen, media dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang ajaran sesat yang mungkin tidak diketahui sebelumnya. Misalnya, telefilem seperti *Ayat Dari Langit* bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mendidik penonton tentang bahaya ajaran sesat. Dengan memaparkan naratif yang berkaitan dengan ajaran sesat, media dapat membantu penonton memahami ciri-ciri ajaran tersebut, serta kesan negatif yang mungkin timbul. Ini seterusnya dapat membentuk persepsi masyarakat bahawa ajaran sesat adalah sesuatu yang perlu diwaspadai dan ditentang.

Selain itu, media sosial telah menjadi platform utama untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat dan mempengaruhi ramai (Nurul Nisha, 2023). Ini menunjukkan media merupakan platform yang sangat berpengaruh dalam membentuk pandangan masyarakat. Dengan adanya ruang untuk perbincangan dan interaksi, netizen dapat berkongsi pendapat, pengalaman, dan maklumat mengenai ajaran sesat. Reaksi dan komen yang ditinggalkan oleh pengguna media sosial sering kali mencerminkan pandangan masyarakat secara keseluruhan. Jika reaksi terhadap ajaran sesat adalah negatif, ini dapat memperkuatkan lagi persepsi bahawa ajaran tersebut adalah berbahaya. Sebaliknya, jika terdapat sokongan terhadap ajaran sesat, ini boleh menyebabkan kekeliruan dan perpecahan dalam masyarakat. Oleh itu, cara media sosial mengendalikan isu ajaran sesat sangat penting dalam membentuk pandangan umum.

## Penerimaan Masyarakat Terhadap Ajaran Sesat Melalui Naratif Telefilem

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap satu hantaran atau *posting* daripada aplikasi *Facebook* pada tarikh 18 April 2021 oleh pemilik akaun Suka Filem<sup>1</sup>, pengkaji mendapati bahawa telefilem *Ayat Dari Langit* telah menjadi salah satu karya yang menarik perhatian masyarakat, terutamanya dalam konteks penerimaan terhadap telefilem ajaran sesat. Terdapat masyarakat yang menyokong dan ada pula yang berpendapat sebaliknya. Namun dalam dunia yang semakin kompleks ini, telefilem ini berperanan penting dalam membentuk persepsi dan pemahaman masyarakat mengenai isu ajaran sesat. Pengkaji berpendapat melalui naratif yang dibentangkan, telefilem ini tidak hanya menghiburkan tetapi juga mendidik penonton tentang bahaya ajaran sesat dan implikasinya terhadap individu dan masyarakat. Pertama sekali, naratif dalam *Ayat Dari Langit* memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana ajaran sesat dapat mempengaruhi kehidupan seseorang. Melalui watak-watak yang dibangunkan, penonton diperkenalkan kepada pelbagai situasi yang menggambarkan kesan negatif ajaran sesat terhadap individu dan keluarga. Misalnya, telefilem ini mungkin menunjukkan bagaimana seseorang yang terpengaruh oleh ajaran sesat boleh mengalami keretakan hubungan dengan keluarga dan rakan-rakan, serta kehilangan arah dalam kehidupan. Dengan cara ini, penonton dapat merasakan kesan emosional yang mendalam dan memahami betapa berbahayanya ajaran tersebut.

Selain itu, telefilem ini juga berfungsi sebagai alat pendidikan yang berkesan. Dengan menyampaikan maklumat tentang ciri-ciri ajaran sesat dan cara mengenalinya, telefilem *Ayat Dari Langit* membantu penonton untuk lebih peka dan waspada kerana masyarakat sepatutnya sedar bahawa ini adalah hakikat yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia (Syafil Syazwan, 2021). Dalam konteks ini, penerimaan masyarakat terhadap telefilem ajaran sesat bukan sahaja dipengaruhi oleh pengalaman peribadi tetapi juga oleh pengetahuan yang diperoleh melalui media. Telefilem ini memberikan penjelasan yang jelas tentang bagaimana ajaran sesat sering kali disamakan dengan ajaran agama yang sahih, menjadikan penonton lebih berhati-hati dalam menerima sebarang bentuk ajaran yang tidak jelas sumbernya. Ini menunjukkan bahawa naratif yang dibentangkan dalam telefilem dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan mereka untuk berfikir secara kritis serta masyarakat dapat membuka mata dan sama-sama menjalankan tanggungjawab untuk membanteras gejala yang memesongkan ini (Syafil Syazwan, 2021).

Di samping itu, reaksi penonton terhadap telefilem ini juga mencerminkan penerimaan masyarakat terhadap telefilem ajaran sesat. Melalui platform media sosial, penonton dapat berkongsi pandangan dan pengalaman mereka selepas menonton. Hal ini kerana, media sosial mudah diakses tidak kira di mana berada selain tidak mengenakan sebarang caj menjadikannya begitu 'mesra pengguna' untuk sesiapa sahaja bebas menyuarakan pendapat (Anon, 2020). Komen dan reaksi yang ditinggalkan sering kali menunjukkan bahawa masyarakat lebih cenderung untuk menolak ajaran sesat setelah menonton telefilem ini. Diskusi yang timbul di

<sup>1</sup> Suka Filem. Hantaran aplikasi facebook bertarikh 18 April 2021.

<https://www.facebook.com/sukafilem/posts/ayat-dari-langit-karya-terbaru-rashid-sibir-mendapat-kritikan-dek-adegan-pelakon/3998032593595398/>

media sosial menunjukkan bahawa penonton tidak hanya terpengaruh oleh naratif yang disampaikan, tetapi juga berinteraksi dengan satu sama lain untuk memperkuuh pemahaman mereka tentang isu ini. Ini menunjukkan bahawa telefilem *Ayat Dari Langit* bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai platform untuk perbincangan yang lebih mendalam mengenai ajaran sesat dan kesannya terhadap masyarakat.

Satu lagi aspek penting yang perlu diperhatikan adalah bagaimana telefilem ini menggambarkan proses pemulihan bagi individu yang terjebak dalam ajaran sesat. Dengan menunjukkan perjalanan watak-watak yang berusaha untuk keluar dari pengaruh negatif tersebut, telefilem ini memberikan harapan dan inspirasi kepada penonton. Untuk mewujudkan sebuah naskhah atau karya lakonan yang baik, ia bukan sahaja terletak pada gagasan yang didukung bahkan menuntut untuk memenuhi prasyarat sebuah lakonan yang baik iaitu daya pukau untuk tontonan (Amir Dgreat, t.t). Ihi bukan sahaja membantu dalam membentuk penerimaan masyarakat terhadap telefilem ajaran sesat, tetapi juga menunjukkan bahawa ada jalan keluar dan pemulihan bagi mereka yang terpengaruh. Penerimaan masyarakat terhadap telefilem ajaran sesat menjadi lebih positif apabila di dalam telefilem menunjukkan babak individu yang terjebak dapat kembali ke jalan yang benar dengan bantuan dan sokongan yang tepat.

Namun, penting untuk diingat bahawa tidak semua reaksi terhadap telefilem ini adalah positif. Ada juga segelintir penonton yang mungkin merasa bahawa penyampaian cerita terlalu dramatik atau tidak adil terhadap ajaran tertentu. Ini menunjukkan bahawa penerimaan masyarakat terhadap ajaran sesat melalui naratif telefilem ini adalah kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk latar belakang umur, budaya, pendidikan, dan pengalaman peribadi. Oleh itu, walaupun telefilem *Ayat Dari Langit* berusaha untuk mendidik dan memberi kesedaran tentang bahaya ajaran sesat, terdapat kemungkinan bahawa tidak semua penonton akan menerima mesej tersebut dengan cara yang sama.

## Kritikan Masyarakat Terhadap Telefilem *Ayat dari Langit*

Babak mencium kaki yang dipaparkan dalam telefilem *Ayat Dari Langit* telah mencetuskan pelbagai reaksi daripada masyarakat Malaysia. Di samping itu, babak ini juga telah menimbulkan kritikan yang meluas dalam masyarakat Malaysia. Berikut adalah beberapa kritikan masyarakat yang timbul berkaitan dengan babak ini:

### Isu Kehormatan dan Maruah dalam Budaya Melayu

Di dalam budaya Melayu, tindakan mencium kaki sering dianggap sebagai sesuatu yang luar biasa dan tidak wajar dilakukan dalam kehidupan seharian. Walaupun dalam beberapa situasi tertentu, seperti menunjukkan penghormatan kepada ibu bapa atau guru, mencium tangan boleh dianggap sebagai simbol penghormatan, namun mencium kaki dianggap sebagai sesuatu yang lebih ekstrem dan berlebihan. Bagi menzahirkan sebuah penghormatan, didapati terdapat pelbagai kaedah diperaktikkan seperti mencium tangan dan kaedah tersebut dianggap sebagai kaedah terbaik dalam menzahirkan penghormatan (Ahmad Qurtubi, 2011). Dalam konteks ini, babak tersebut dilihat sebagai satu perbuatan yang merendahkan maruah diri dan tidak sesuai dengan nilai yang dijunjung tinggi oleh masyarakat.

## Keterlaluan dalam Mempamerkan Babak

Satu lagi kritikan terhadap adegan ini adalah keterlaluan dalam mempamerkan penghormatan. Penghormatan adalah sesuatu yang sangat dihargai dalam masyarakat Melayu dan Islam, tetapi ia harus dilakukan dengan penuh adab dan kesederhanaan. Masyarakat Malaysia cenderung untuk menilai sesuatu perbuatan berdasarkan kesesuaian dengan keadaan dan situasi, dan tindakan mencium kaki dianggap sebagai sesuatu yang tidak sesuai dan berlebihan. Perbuatan berlebihan atau melampaui batas ini biasanya lahir sama ada daripada hawa nafsu, hasutan syaitan atau dorongan duniawi semata-mata ([Khafidz Soroni](#), 2022). Masyarakat berpendapat, dengan teknologi yang serba canggih babak tersebut boleh dihasilkan dengan menggunakan “*camera trick*” sahaja. Oleh itu, tindakan mencium kaki ini dilihat sebagai sesuatu yang tidak perlu, bahkan lebih kepada simbolisme yang berlebihan.

## Perbandingan dengan Telefilem Lain yang Mempunyai Tema Agama dan Ajaran Sesat

Perbandingan telefilem *Ayat dari Langit* dengan telefilem lain yang mempunyai tema agama dan ajaran sesat dapat memberikan perspektif yang lebih luas tentang bagaimana isu ini diangkat dalam media. Berikut adalah beberapa aspek perbandingan yang boleh dipertimbangkan:

Aspek Perbandingan	Telefilem <i>Ayat Dari Langit</i>	Telefilem Lain
Pendekatan Naratif	Pengkaji mendapati telefilem ini menekankan perjalanan individu yang terjebak dalam ajaran sesat dan proses pemulihan mereka. Ia memberikan harapan dan menunjukkan bahawa individu yang terjerumus dalam ajaran sesat mempunyai jalan keluar dari terus berada dalam kesesatan.	Beberapa telefilem lain mungkin lebih fokus kepada penggambaran ajaran sesat sebagai ancaman yang perlu dihapuskan tanpa memberikan ruang untuk pemulihan. Contohnya, telefilem yang menggambarkan konflik antara penganut ajaran sesat dan masyarakat mungkin lebih dramatik dan kurang memberi penekanan kepada aspek pemulihan.
Watak dan Karakter	Pengkaji melihat bahawa karakter dalam telefilem ini seakan kompleks, dengan latar belakang yang mendalam yang menjelaskan mengapa mereka terjebak dalam ajaran sesat. Setiap babak ajaran sesat yang dipaparkan pasti akan ada watak yang akan menyanggah dan membetulkan situasi tersebut. Ini membantu untuk lebih memahami dan memberi penjelasan kepada penonton.	Dalam beberapa telefilem, karakter yang terlibat dalam ajaran sesat mungkin digambarkan secara stereotaip, tanpa penjelasan yang mendalam tentang lakonan sebenar mereka. Terdapat juga karakter dan babak yang memaparkan adegan penyelewengan agama atau ajaran sesat tanpa memberikan penjelasan yang sewajarnya. Ini boleh menyebabkan penonton keliru dan terpengaruh dengan adegan tanpa memahami konteks yang lebih luas.

Reaksi Penonton dan Kesedaran Masyarakat	Pengkaji merasakan telefilem ini mendorong perbincangan di media sosial dan meningkatkan kesedaran tentang bahaya ajaran sesat. Penonton didorong untuk berfikir secara kritis dan berkongsi pandangan mereka.	Beberapa telefilem mungkin tidak mendorong interaksi penonton yang sama, dan reaksi penonton mungkin lebih terhad kepada pandangan peribadi tanpa perbincangan yang lebih mendalam.
Aspek Pendidikan	Pengkaji berpendapat bahwa telefilem ini berfungsi sebagai alat pendidikan, memberikan maklumat tentang bagaimana mengenali ajaran sesat dan langkah-langkah untuk menghindarinya.	Ada telefilem yang mungkin lebih menekankan aspek hiburan dan dramatik, tanpa memberikan maklumat yang berguna tentang isu-isu agama. Terdapat juga filem yang diterbitkan hanya untuk mendapatkan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan kesan dan akibat kepada masyarakat. Ini boleh menyebabkan penonton kurang memahami isu sebenar dan tidak mendapat pengetahuan yang diperlukan untuk mengenali isu-isu agama dan menghindari ajaran sesat yang merbahaya.
Penggunaan Simbolisme dan Tema	Pengkaji melihat telefilem ini mungkin menggunakan simbolisme yang mendalam untuk menggambarkan perjuangan antara kebenaran dan kebohongan, serta harapan untuk bangkit kembali ke jalan yang benar. Tema-tema ini membantu penonton untuk merenung dan memahami implikasi yang lebih besar dari ajaran sesat dalam kehidupan mereka.	Beberapa telefilem mungkin menggunakan simbolisme yang lebih dangkal atau tidak konsisten, yang boleh mengurangkan kesan emosional dan intelektual terhadap penonton. Ini mungkin menjadikan mesej yang ingin disampaikan kurang berkesan.
Kesimpulan dan Impak:	Pengkaji mendapati kesimpulan telefilem ini mungkin memberikan harapan dan menunjukkan bahawa pemulihan adalah mungkin, serta mengajak penonton untuk berfikir tentang peranan mereka dalam mencegah penyebaran ajaran sesat.	Dalam beberapa kes, telefilem lain mungkin berakhir dengan nada yang lebih pesimis atau dramatik, yang boleh meninggalkan penonton dengan rasa ketakutan tanpa memberikan jalan penyelesaian atau harapan.

Sumber: Kajian Penulis terhadap Telefilem *Ayat dari Langit* dan perbandingan dengan Telefilem lain.

Secara keseluruhannya, perbandingan ini menunjukkan bahawa telefilem Ayat Dari Langit mempunyai pendekatan yang lebih holistik dan mendidik dalam menangani isu ajaran sesat berbanding dengan beberapa telefilem lain. Dengan menekankan pemulihan, menggambarkan karakter yang kompleks, dan mendorong perbincangan, pengkaji berpandangan telefilem ini berpotensi untuk memberi impak yang lebih positif kepada masyarakat.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, media melalui filem atau telefilem berpotensi dalam membentuk naratif yang berkaitan dengan ajaran sesat. Melalui cara penyampaian lakonan, pemilihan kata-kata, dan sudut pandang yang diambil, media dapat mempengaruhi bagaimana masyarakat melihat ajaran sesat. Misalnya, jika media memaparkan tentang ajaran sesat dengan nada yang menegah atau menghalang, ini boleh menyebabkan masyarakat merasa sedar dan lebih cenderung untuk menolak ajaran tersebut. Walau bagaimanapun, jika media memberikan dan memaparkan liputan yang agak samar, masyarakat mungkin terkeliru untuk memahami isu tersebut dengan lebih mendalam dan ia juga bergantung kepada tahap pemikiran seseorang.

Secara keseluruhannya, Telefilem Ayat Dari Langit memainkan peranan penting dalam membentuk penerimaan masyarakat terhadap telefilem ajaran sesat melalui naratif yang dibawa. Melalui naratif yang mendidik dan menggugah emosi, telefilem ini membantu penonton untuk memahami kesan negatif ajaran sesat dan meningkatkan kesedaran mereka tentang isu ini. Dengan memanfaatkan platform media sosial untuk perbincangan dan interaksi, telefilem ini juga mencipta ruang bagi masyarakat untuk berkongsi pandangan dan pengalaman, yang seterusnya dapat memperkuuh penerimaan mereka terhadap ajaran yang sahih. Dalam dunia yang penuh dengan informasi yang bercampur aduk, karya seperti Telefilem Ayat Dari Langit dan naratif yang dibawa adalah penting untuk memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran dan mempengaruhi masyarakat mengenai isu agama lebih-lebih lagi isu ajaran sesat dan isu-isu sosial kepada masyarakat.

## Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail, Mohd Nor Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*, Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Qurtubi. 2011. Penghormatan dalam Islam Perspektif Hadis. Tesis Sarjana, UIN Syarif Hidayatullah. Jakarta.
- Anon. 2012. *Ciri-ciri Ajaran Sesat yang Menyalahi Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah*. JAKIM. 25 November 24.
- Anon. 2020. Media Sosial Medium Murah, Pantas Suarakan Pendapat. *Sinar Harian*. 28 November 24.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. (t.th). *Kriteria dalam Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan yang Terpesong*. Selangor: Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2009. *Ajaran Sesat di Negeri Terengganu*. Gong Badak: Penerbit Universiti Darul Iman Malaysia.
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob. 2016. Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial dalam Kalangan Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 32(2): 471-488.
- Intan Nur Syahierah. 2024. Perspektif Pelajar Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Filem Mentega Terbang (Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2010. *Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Kamaruddin Razal. 2020. Angkat Cerita Ajaran Sesat, Ini 11 Perkara Menarik Mengenai Jalan Sesat Ke Syurga. *Gempak*. 16 Oktober 22.
- Kamus Dewan Bahasa*. 2022. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.
- Khafidz Soroni. 2022. Berpada Dalam Rasa Kasih Atau Benci. Harian Metro. 2 Disember 24.
- Majlis Agama Islam Selangor, MAIS. 2015. *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan dan Keceluaran*. Selangor: MAIS.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2022. *Ancaman Akidah: Fatwa Ajaran Sesat di Negeri Selangor*. Selangor.
- Md. Rozalafri Johori & Megat Al-Imran Yasina. 2014. Menyubur Fikrah Islam Penerbit Rancangan Televisyen Islamik: Suatu Sorotan Pandangan Dunia dan Falsafah Universiti. *Conference of Management & Muamalah*. Auditorium, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajang.
- Mohd Sobhi Ishak, Awan Ismail, Bakri Mat, Azahar Kassim, Shariffah Mamat & Norati'qah Talib. 2016. Pengaruh Televisyen Dan Media Sosial Terhadap Golongan Belia Di Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Iyres 2016*. Kuala Lumpur hlm. 125-138.
- Nurul Nisha. 2023. *Pempengaruh Media Sosial: Antara Tanggungjawab dan Populariti*. Pertubuhan Ikram Malaysia. 26 November 24.
- Siti Nur Zainab dan Normimi Shahira. 2014. Media Massa Pembentuk Minda. *Ekspresi*. 26 November 24.
- Syafil Syazwan Jefri, 2021. Netizen patut berfikiran luas. *Harian Metro*. 27 November 24.
- Wan Haslan Khairuddin. 2022. Kerangka Kajian Ajaran Sesat Menurut Ahli Sunah Waljamaah. *Journal of Ifta And Islamic Heritage*. 1(1), 120–149.